

Negara Barat perlu beri tekanan henti serangan di Gaza

Anwar, El-Sisi sepakat tak wajar rejim Israel bedil kemudahan awam

Kaherah: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau dan Presiden Mesir, Abdel Fattah El-Sisi, sepakat bahawa negara Barat perlu memberi tekanan kepada rejim Israel untuk memberhentikan serangannya ke atas Gaza.

Anwar berkata, dalam kunjungan hormatnya kepada Presiden Mesir itu, beliau dan El-Sisi juga sepakat kemudahan awam di Gaza seperti sekolah dan hospital, tidak sepatutnya dibedil serta dirosakkan rejim Israel itu.

“Kesengsaraan dialami masyarakat Gaza sudah di tahap sangat parah. Jadi itu yang kita sepakati tadi hasil daripada perbincangan (dengan El-Sisi),” katanya kepada wartawan Malaysia pada sidang media pada akhir lawatan kerja dua harinya ke Mesir, malam kelmarin.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Mesir juga pada masa ini, sedang berusaha sedaya upaya untuk meningkatkan penyaluran bantuan kemanusiaan kepada masyarakat Gaza dan Malaysia akan bekerjasama serta menyokong langkah diambil Mesir itu.

Anwar berkata, Malaysia juga akan terus berusaha menghubungi negara Barat dan Timur, untuk menggesa mereka melakukan sesuatu bagi membawa keamanan serta bantuan kemanusiaan di kawasan bergolak itu.

“Matlamat yang jelas iaitu mempertahankan hak dan kedaulatan negara Palestin. Kalau ini tidak tercapai, penyelesaian dan kedaмаian tidak akan kekal. Ini pendirian rakan kita termasuk Mesir dan semalam di Turkiye dan sebelum itu di Riyadh, itu pandangan kita bersama,” katanya.

Anwar juga menyatakan terima kasihnya kepada El-Sisi, kerana memberi ruang kepadanya mengadakan pertemuan, meskipun notis pertemuan diberikan kepada Presiden Mesir itu, amat singkat.

Katanya, walaupun fokus perbincangannya dengan El-Sisi pada pertemuan itu tertumpu kepada isu Gaza, namun beberapa perkara termasuk masalah se-



Anwar pada sidang media selepas lawatan kerja dua hari ke Mesir, malam kelmarin. Turut hadir, Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir (kiri) dan Duta Besar Malaysia ke Mesir, Zamani Ismail. (Foto BERNAMA)

rantau dan masa depan negara Arab dan dunia Islam, turut dibincangkan

Kerjasama dua hala

Beliau berkata, antara perkara berkenaan termasuk kerjasama dua hala perdagangan dan perusahaan pelaburan antara kedua-dua negara.

“Saya sudah minta Menteri Luar dengan jawatankuasa (yang akan dibentuk kelak), untuk mengenal pasti hal kerjasama yang boleh kita tingkatkan,” katanya.

Anwar juga mengumumkan Presiden Mesir itu bersetuju membuat kunjung rasmi ke Malaysia, pada awal tahun depan.

Beliau berkata, lawatan rasmi yang akan dilakukan El-Sisi itu amat baik kerana sudah berpu-

luh tahun Presiden Mesir tidak membuat kunjungan seumpama itu ke Malaysia.

Sementara itu, Anwar menyifatkan pengiktirafan Kerajaan Arab Saudi terhadap inisiatif Pelan Hala Tuju Tenaga Boleh Diperbaharui (NREP) sebagai bukti negara itu sentiasa mengikuti perkembangan Malaysia.

Beliau berkata, pengiktirafan itu membuktikan Putera Mahkota Mohammed bin Salman tertarik dengan inisiatif diambil Malaysia itu.

“Baginda (Putera Salman) tertarik dan mahu kerjasama kita dalam sumber tenaga boleh baharu, hidrogen, hidrogen hijau dan hal yang kita sebut dalam hala tuju transisi tenaga kita,” katanya. BERNAMA